



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

Director General of Education Malaysia

ARAS 8, BLOK E8

Level 8, Block E8

KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E

Government Complex Parcel E

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Federal Government Administrative Centre

62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077

Faks: 03-8889 4548

Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami: KPM.100-1/3/1 Jld. 7 (77)

Tarikh: 30 Jun 2022

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN BERHUBUNG GARIS PANDUAN PENCEGAHAN PENULARAN
JANGKITAN *INFLUENZA-LIKE ILLNESS* DI INSTITUSI PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam memastikan murid dapat mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran secara berterusan dalam keadaan selamat seperti yang dirancang. Keselamatan dan kesihatan murid, guru dan warga institusi pendidikan menjadi keutamaan KPM.
3. Sehubungan dengan itu, KPM telah menyediakan Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan *Influenza-Like Illness* (ILI) di Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai panduan dan rujukan kepada semua institusi pendidikan KPM dan institusi pendidikan swasta yang berdaftar dengan KPM bagi memastikan pengurusan pencegahan jangkitan *influenza-like illness* dapat diurus dengan teratur dan berkesan.
4. Bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan *Influenza-Like Illness* di Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia termasuk prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, kolej vokasional, kolej tingkatan enam, kolej matrikulasi, institut pendidikan guru dan institusi pendidikan swasta yang berdaftar dengan KPM. Justeru, surat Panduan Pengurusan Kejadian Wabak Jangkitan Saluran Pernafasan Di Sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia, ruj. KPM.600-17/1/18 (80) bertarikh 15 Januari 2020 adalah tidak terpakai.

Ruj. Kami: KPM.100-1/3/1 Jld. 7 (79)

5. Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan *Influenza-Like Illness* di Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia ini juga boleh dimuat turun melalui laman sesawang KPM www.moe.gov.my

6. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, dikehendaki mengambil tindakan untuk memastikan semua institusi pendidikan benar-benar memahami serta mematuhi perkara yang ditetapkan. YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan juga hendaklah memastikan kandungan surat ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah serta pengetua dan guru besar bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan,

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK HAJAH NOR ZAMANI BINTI ABDOL HAMID)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Merangkap Ketua Pendaftar

- s.k.
1. YB Menteri Kanan Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**GARIS PANDUAN PENCEGAHAN PENULARAN
JANGKITAN *INFLUENZA-LIKE ILLNESS* DI INSTITUSI
PENDIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

KANDUNGAN

1. Pengenalan	3
2. Objektif	4
3. Langkah-Langkah Mengawal Penularan Jangkitan <i>Influenza-Like Illness</i>	4
4. Penutup	5

1. Pengenalan

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited terhadap keselamatan dan kesihatan murid, guru dan warga institusi pendidikan KPM. Sehubungan itu, KPM telah menyediakan Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan *Influenza-Like Illness* (ILI) di Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai panduan dan rujukan kepada semua institusi pendidikan KPM dan institusi pendidikan swasta yang berdaftar dengan KPM. Garis panduan ini terpakai kepada semua institusi pendidikan termasuk prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, kolej vokasional, kolej tingkatan enam, kolej matrikulasi, institut pendidikan guru dan institusi pendidikan swasta yang berdaftar dengan KPM.

Secara umumnya, gejala ILI adalah demam berserta gejala jangkitan salur pernafasan seperti batuk dan/atau sakit tekak serta mungkin mengalami sakit kepala, sakit otot, sakit sendi dan kelesuan. ILI termasuklah penyakit influenza atau penyakit lain yang mempunyai gejala yang sama. Kebanyakan pesakit ILI mengalami gejala ringan dan sembuh tanpa rawatan.

Walau bagaimanapun, ILI boleh menyebabkan gejala yang teruk atau komplikasi jangkitan kepada kumpulan berisiko tinggi seperti kanak-kanak, warga tua, wanita mengandung dan mereka yang menghidap penyakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi, asma dan lain-lain.

2. Objektif

Objektif garis panduan ini adalah untuk memastikan:

- 2.1 pengurusan institusi pendidikan dan asrama dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan lancar;
- 2.2 persekitaran institusi pendidikan yang selamat bagi menjamin kesihatan dan keselamatan murid sepanjang berada di institusi pendidikan dan asrama; dan
- 2.3 proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat dilaksanakan dalam keadaan selamat.

3. Langkah-Langkah Mengawal Penularan Jangkitan *Influenza-Like Illness*

- 3.1 Menasihatkan murid dan warga institusi pendidikan untuk segera mendapatkan rawatan perubatan sekiranya mengalami gejala ILI seperti demam berserta gejala jangkitan salur pernafasan seperti batuk dan/atau sakit tekak dan/atau lain-lain gejala yang berkaitan.
- 3.2 Murid yang tinggal di asrama yang mempunyai gejala ILI hendaklah diasingkan di bilik sakit dan pihak institusi pendidikan perlu menghubungi segera ibu bapa/penjaga untuk menjemput murid pulang bagi mendapatkan rawatan atau pihak institusi pendidikan membawa murid ke klinik/hospital yang berhampiran bagi mendapatkan rawatan dengan persetujuan ibu bapa/penjaga.
- 3.3 Menasihati murid yang mempunyai gejala ILI untuk berehat di asrama/rumah dan mengelak daripada berada di tempat sesak.

- 3.4 Menyarankan murid mengamalkan pemakaian pelitup muka (face mask) sekiranya perlu bertemu dengan orang lain dan berada di tempat awam.
- 3.5 Mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan menjaga kebersihan dan kesihatan diri kepada warga institusi Pendidikan. Murid perlu diingatkan agar sentiasa mengekalkan tahap kebersihan diri yang tinggi, amalan kerap membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun atau *hand sanitizer*, mengamalkan adab batuk dan bersin yang betul serta mengamalkan cara hidup sihat.
- 3.6 Memberi kefahaman kepada ibu bapa/penjaga mengenai peranan mereka dalam usaha mencegah penularan jangkitan ILI di institusi pendidikan dan peka kepada status kesihatan anak/anak jagaan mereka.

4. Penutup

Jabatan pendidikan negeri (JPN)/ pejabat pendidikan daerah (PPD)/ institusi pendidikan hendaklah mematuhi garis panduan ini di samping mengikuti nasihat yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mencegah penularan jangkitan ILI dalam kalangan warga institusi pendidikan terutamanya murid.